

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN : 21

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan jangka masa panjang Kementerian dalam menangani krisis penumpang keluar dan masuk Labuan musim perayaan dan bilakah *ramp* pendaratan feri kedua di Menumbok diadakan dan digunakan sepenuhnya.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menangani kesesakan penumpang semasa musim perayaan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah adalah seperti berikut:

- (a) Kerajaan telah melantik 4 buah syarikat pengusaha feri untuk mengendalikan perkhidmatan feri di antara Labuan dan Menumbok. Walaubagaimanapun, pada masa ini hanya 2 syarikat pengusaha feri yang mengusahakan perkhidmatan feri iaitu Syarikat Labuan Mainland Link Sdn. Bhd. dan Syarikat Juta Bonus Development Sdn. Bhd. dengan mengendalikan 7 slot pelayaran sehari. Dalam hal ini, 2 syarikat yang lain iaitu Syarikat Labuan Ferry Corporation Sdn. Bhd dan Syarikat ISRO Shipping Sdn. Bhd tidak lagi beroperasi. Ini kerana Syarikat Labuan Ferry Corporation Sdn. Bhd telah diisytiharkan bankrap oleh mahkamah pada tahun 2017 dan Syarikat ISRO Shipping Sdn. Bhd pula tidak mempunyai kapal disebabkan kapal yang dimilikinya telah mengalami kerosakan enjin pada tahun 2012. Sebagai langkah proaktif, semasa musim perayaan syarikat pengusaha feri dibenarkan meningkatkan slot pelayaran bagi memenuhi permintaan penumpang selepas mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Laut Malaysia. Sebagai contoh, pada musim perayaan yang lepas jumlah slot

pelayaran telah ditingkatkan kepada 10 slot pelayaran sehari berbanding 7 slot pelayaran pada hari biasa.

- (b) Kerajaan juga telah menaiktaraf fasiliti di Terminal Feri Labuan dengan membina ramp kedua di terminal feri tersebut dengan perbelanjaan sebanyak RM3.85 juta. Projek berkenaan telah siap pada bulan Mei 2018 dan mula beroperasi sepenuhnya sejurus selepas itu.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini juga, pembangunan infrastruktur maritim di Sabah termasuk terminal dan fasiliti pelabuhan adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Jabatan Pelabuhan dan Dermaga, Negeri Sabah (JPDS), projek pembinaan ramp kedua di Terminal Feri Menumbok akan dilaksanakan pada tahun 2020. Namun, ianya tertakluk kepada keupayaan kewangan Kerajaan Negeri tersebut.

Statistik pelayaran kapal RORO laluan Labuan – Menumbok – Labuan adalah seperti berikut:

Tahun	Sektor Labuan – Menumbok			
	Bilangan Penumpang (masuk)	Bilangan Penumpang (keluar)	Bilangan Kenderaan (masuk)	Bilangan Kenderaan (keluar)
2016	148,688	115,314	81,145	69,534
2017	261,141	287,540	132,140	133,499
2018	290,702	285,577	138,681	134,054
JUMLAH	700,531	688,431	351,966	337,087